

Headline	Bajet 2013 perlu tumpu golongan gaji sederhana		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	176 cm ²
AdValue	RM 3,510	PR Value	RM 10,531



Bajet 2013 perlu tumpu golongan gaji sederhana

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Kerajaan diminta memberi tumpuan dan keutamaan kepada golongan berpendapatan sederhana pula yang mewakili 40 peratus penduduk negara dalam pembentangan Bajet 2013 pada 28 September ini.

Tumpuan terhadap golongan tersebut yang juga pembayar cukai sememangnya merupakan keperluan mendesak kerana kenaikan harga barangan dan keperluan hidup yang cukup tinggi terutama di bandar-bandar besar.

Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia, **Rohami Shafie** berkata, sudah sampai masanya kerajaan membantu meredakan beban golongan tersebut yang tersepit dalam kos sara hidup yang tinggi.

Menurut beliau, keutamaan perlu diberikan kepada rumah dan cukai pendapatan individu kerana ia adalah asas kepada kehidupan go-

longan berpendapatan sederhana.

"Golongan miskin sudah cukup banyak menerima bantuan dan peruntukan tertentu daripada kerajaan serta dikecualikan daripada cukai.

"Sedangkan golongan berpendapatan sederhana terpaksa berhadapan dengan kos sara hidup yang melampau, pada masa sama terpaksa membayar cukai," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pengarah Jupiter Securities Research Sdn. Bhd., Nazzary Rosli berkata, peningkatan had cukai lebih tinggi boleh membantu meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

Menurut beliau, kos sara hidup yang melampau telah mengakibatkan hutang isi rumah meningkat, sekali gus menjejaskan 'poket' golongan berpendapatan sederhana.

Jelasnya, gaji bersih antara RM3,000 hingga RM5,000 bukan lagi dianggap tinggi, sebaliknya su-

dah terperangkap dalam kategori miskin bandar.

"Justeru, sewajarnya golongan ini diberi keutamaan dalam aspek pengurangan cukai, kemudahan pemilihan kediaman dan keperluan asas hidup terutama barangan makanan seharian," tambah beliau.

Sementara itu, tokoh ekonomi, **Tan Sri Ramon Navaratnam** turut menyokong supaya kerajaan memberi lebih banyak had pengecualian cukai individu kepada golongan berpendapatan sederhana.

"Langkah ini merupakan cara terbaik dan tepat untuk meringankan beban golongan ini terutama yang memiliki tanggungan besar.

"Paling penting cara ini dapat memberi kestabilan kehidupan kepada golongan yang menjadi kumpulan majoriti itu," ujar beliau.

Navaratnam berkata, peningkatan had pengecualian itu tidak akan membebankan kerajaan kerana sudah sampai masanya cukai nilai tambah atau barangan dan perkhidmatan diperkenalkan.

